

131

NO. SOALAN: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]

TARIKH : 09 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) senarai syarikat yang menyediakan aplikasi e-hailing untuk pemandu teksi ; dan
- (b) perancangan dan peruntukan dana bagi membantu pemandu teksi di Malaysia menggunakan aplikasi e-hailing dalam perkhidmatan teksi.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara syarikat pengendali perniagaan pengantaraan *e-hailing* yang juga menyediakan aplikasi untuk pemandu-pemandu teksi adalah EzCab Sdn Bhd, Pick N Go Sdn Bhd, Uber Malaysia Sdn. Bhd., Cab Auto Bus Sdn Bhd (2Go App) dan GrabCar Sdn. Bhd.
2. Salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membantu pemandu teksi di Malaysia menggunakan aplikasi *e-hailing* dalam perkhidmatan teksi adalah dengan memperuntukkan modul program latihan baru yang memberikan pendedahan asas terhadap penggunaan teknologi *e-hailing*.
3. Selain itu, bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pemandu teksi mengenai faedah menggunakan teknologi *e-hailing* dalam perkhidmatan teksi, sesi konsultasi bersama pemandu-pemandu teksi di Semenanjung Malaysia telah dan sedang giat dianjurkan secara berterusan oleh S.P.A.D.
4. S.P.A.D. juga telah mengadakan sesi konsultasi bersama syarikat-syarikat *e-hailing* yang lain selain Uber dan Grab untuk menggalakkan penggunaan khidmat pemandu-pemandu teksi dalam operasi perniagaan mereka.
5. Disamping itu, bagi membantu pemandu teksi di Malaysia menggunakan aplikasi *e-hailing*, SPAD telah merangka dasar bagi

membolehkan mereka turut menggunakan tambang dinamik apabila mendapatkan penumpang melalui menggunakan aplikasi *e-hailing*.

6. Sementara itu, terdapat maklum balas daripada pemandu teksi yang ingin untuk mendaftarkan teksi mereka untuk menyertai platform *e-hailing*, tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana kenderaan mereka melebihi had umur yang dibenarkan oleh penyedia perkhidmatan. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2018 telah mengumumkan bahawa Kerajaan menyediakan geran berjumlah RM5,000 yang boleh dimohon oleh pemandu teksi untuk mereka menukar kepada kenderaan teksi yang baru bagi membolehkan mereka juga menyertai dan mendapat akses kepada pelanggan perkhidmatan *e-hailing*, selain daripada operasi *street hailing* mereka.

Sekian, terima kasih.